

ISLAMIC HERITAGE

LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

ISLAMIC HERITAGE
LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

Editors

*Hasan Bahrom
S. Salahudin Suyurno
Abdul Qayuum Abdul Razak*

© Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Melaka terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hasan Bahrom

Proceedings of the 1st international Islamic heritage conference / Hasan
Bahrom, S.Salahudin Suyurno, Abdul Qayuum Abdul Razak
978-967-0637-13-6
1. Islamic Heritage 2. Civilization I. Hasan Bahrom
II. S.Salahudin Suyurno III. Abdul Qayuum Abdul Razak

Reka bentuk kulit : Mohd Zaid bin Mustafar

Dicetak di Malaysia oleh :

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA,
KM 26 JALAN LENDU,
78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Tel: +606 558 2058

CONTENTS

PRAKATA	i
---------	---

KATA ALUAN REKTOR UITM MELAKA	ii
-------------------------------	----

ARTS

A DOCUMENT OF IBÂDI JURISPRUDENCE RELATED TO THE ARCHITECTURE OF MOSQUES Benkari Naima	1
RE-THINKING THE DEPICTIONS OF TWO-DIMENSIONAL ‘LIVING BEINGS’ IN CONTEMPORARY ISLAMIC ART Lina Kattan	15
REVIVING THE CLASSICAL ISLAMIC ARCHITECTURAL DESIGNS OF MOSQUE IN TIN MINING AREA: KINTA VALLEY, PERAK, MALAYSIA Wan Noor Anira Hj Wan Ali @ Yaacob, Norasikin Hassan, Khalilah Hassan & Ameri Mohd Sarip @ Shariff	25
TOWARDS A CONCEPTUAL FRAMEWORK OF ANIMATED INFOGRAPHICS IN AN ISLAMIC CONTEXT Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof & Khairul Azhar Mat Daud	38
QUR’AN AND SPLENDOR OF ISLAMIC CALLIGRAPHY: DEVELOPMENT OF IRANIAN CALLIGRAPHY UNDER INFLUENCE OF QUR’AN TRANSCRIBING Mahdi Sahragard	49
PLANT AND LANDSCAPE DESIGN: REFLECTION FROM THE QURAN AND HADITH Khalilah Hassan, Nur Huzeima Mohd Hussain, Norizan Mt Akhir & Mazlah Yaacob	60
SUSTAINABLE AND DIVERSE ISLAMIC ART: A SOCIAL AND CULTURAL EXPERIMENT IN AUSTRALIA Abdul Attamimi & Majdi Faleh	70
KUFI LARI’: THE HYBRID OF KHAT KUFI TO UPHOLD THE MALAYS’ IDENTITY IN DIGITAL ART APPLICATION Mohd Amin bin Mohd Noh, Mohd Fauzi bin Harun, Nik Narimah bt Nik Abdullah, Zaharah bt Hj. Ramli & Nor Fariza bt Baharuddin	81

KONSEP SENI DALAM ISLAM: SATU SOROTAN	89
Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Md Dahlan, Mohd Farhan Abd Rahman & Norsaeidah Jamaludin	

GENDER

CANNING CHILDREN: ABUSE OR EDUCATE?	101
Ekmil Krisnawati Erlen Joni & Salmiah Salleh	

THE WISDOM OF POLYGAMY IN ISLAM: THE LAW AND CUSTOMARY PRACTICE IN AFGHANISTAN	114
Hekmatullah Muradi & Nasir Ahmad Yousefi	

PERBEZAAN TANGGUNGJAWAB PERIBADI PELAJAR DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)	125
Siti Marhamah binti Kamarul Arifain, Atini Alias, Farrah Wahida Mustafar & Faudziah Yusof	

CULTURE

VOLUNTEER TOURISM FOR MUSLIM COMMUNITY DEVELOPMENT: APPLYING SOCIAL EXCHANGE THEORY FOR CROSS CULTURE BENEFITS	133
Nik Rozilaini binti Wan Mohamed, Ahmad Rozelan bin Yunus, Mohd Hasrul Yushairi bin Johari & Mashita binti Abdul Jabar	

مكتبة آشوريانبيال تراث إنساني فريد وان كمال موجانی & سميرة ميلاد عامر	140
--	-----

POLITIC

النظام الجنائي الاسلامي هو الحل للأمن في العالم	148
---	-----

سعدي حيدرة

العلاقات الدبلوماسية الاسلامية في الاندلس مع المماليك الاوروبية، دراسة و تحقيق طارق عبد السلام & عصام ميلود الخراط	158
---	-----

حق الدولة المسلمة في امتلاك الأسلحة الخيرية وضرورة انتاجها وليس استيرادها

165

نور العارفة بنت محمد & شعيم حنك

EDUCATION

دور الشورة التعليمية والثقافية في تطوير الأمة المسلمة في منطقة مليبار، كيرلا الهند

175

على أكبر كي وي

ISLAM AND EDUCATION

182

Nasiruddin Mizy

ISLAM AND HIGHER EDUCATION: THE ROLE OF ISLAMIC-BASED UNIVERSITIES IN URBAN DEVELOPMENT 190

Nur Rafidah Asyikin binti Idris

LEARNING ORAL PRESENTATION IN A COLLABORATIVE ENVIRONMENT 201
IN TERTIARY CLASSROOMS: ISLAMIC PERSPECTIVES

Juritah Misman & Mardziah Hayati Abdullah

PENDIDIKAN ISLAM DENGAN AKHLAK MORAL PELAJAR: SOROTAN 213
FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Siti Noorbiah Md Rejab, Najahudin Lateh, Hanifah Musa Fathullah Harun, Nur Zahidah Jaafar & Nur Hidayah Zainal

FAKTOR AGAMA SEBAGAI FAKTOR UTAMA MENGUBAH TINGKAH LAKU 222
SEORANG BANDUAN

Ahmad Zaidi Johari, Mohd Izam Ghazali & Alis Puteh

HISTORY

PARADIGMA ILMU KITAB JAWI DI ALAM MELAYU: SATU PENGENALAN 226
Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ahmad Farid Abdul Jalal, Badlihisyam Mohd Nasir,
Wan Zailan Kamarudin Wan Ali, Abdul Halim Ismail, Nor Adina Abdul Kadir &
Zurina binti Mohamed Noor

ANALISIS KEBANGKITAN VOLGA BULGARIA 922M 236
Harliana Halim, Kamaruzaman Yusoff, Mohd Faizal Khir & Shakila Ahmad

LAKSAMANA PĪRĪ REIS DAN SUMBANGANNYA KEPADA KARTOGRAFI 247
DAWLAH CUTHMĀNIYYAH
Ahmad Sobrie Haji Ab Rahman & Roziah Sidik @ Mat Sidek

SOCIETY

نظريّة الطلاق في الإسلام: دراسة مقارنة مع اليهودية والنصرانية عثمان بن إبراهيم غرغُدو	259
A QUALITATIVE STUDY ON WIFE ABUSE IN MUSLIM FAMILIES: WHY WOMEN ENDURE? Mariny Abdul Ghani, Noor Azizah Ahmad & Azizul Mohamad	278
HIMA AS A MODEL FOR NEIGHBOURHOOD OPEN SPACE PLANNING Khalilah Hassan, Siti Syamimi Omar & Izrahayu Che Hashim	290
حكم تارك الصلاة طارق حميش	301
ASPEK-ASPEK TIDAK PATUH SYARIAH DALAM AMALAN JAMPI DI MALAYSIA Juriah Mohd Amin, PM Dr Huzaimah Ismail & PM Supani Husain	307
LELAKI BERPAKAIAN SEPERTI PEREMPUAN: ANTARA GENDER IDENTITY DISODER, UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA Yuhanza binti Othman, Ida Rahayu binti Mahat, Mimi Sofiah Ahmad Mustafa & Marziana Abd Malib	316
GEJALA SOSIAL DI MALAYSIA: PENDEKATAN ISLAM DAN PERANAN PEMIMPIN DALAM USAHA PENCEGAHAN Rajwani Md. Zain, Khairullah Mokhtar & Mushaddad Hasbullah	328
PEMAHAMAN SERTA PENGAMALAN MAKANAN SUNNAH DAN SUNNAH PEMAKANAN WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG Siti Fairuz Sujak, Noor Syahida Md Soh, Azizah Md. Kasah, Siti Zaleha Syafiee, Noraishah P. Othman, Rohaya Sulaiman, Nor Fazlin Uteh & Zuliana Zoolkefli	335

SCIENCE AND TECHNOLOGY

HARM REDUCTION IN CARTILAGE TISSUE ENGINEERING 346
EXPERIMENTATION: A COMPARATIVE REVIEW BETWEEN ISLAMIC AND CONVENTIONAL ETHICS

Muhammad Aa'zamuddin Ahmad Radzi, Abdurezak Abdulahi Hashi, Zainul Ibrahim Zainuddin, Rozlin Abdul Rahman, Norhamiza Mohamad Sukri, Mohd Yusof Mohamad, Noorhidayah Md Nazir, Wan Ahmad Dzulkarnain Razali & Munirah Sha'ban

THE IMPACT OF SCIENCE AND TECHNOLOGY TOWARDS RURAL 359
COMMUNITY IN UNDERSTANDING ISLAM

Abdul Hapes bin Mohammed & Nurul Diana bt Mohamed Iqbal

KERANGKA TEORI E-WASIAH 366

Zainal Fikri Zamzuri, Noormala Rabu, Abdullah Hj Said & Mohd Fauzi Md Isa

KAJIAN TINJAUAN LITERATUR TERHADAP APLIKASI MUDAH ALIH 373
BERUNSURKAN ISLAM “*ISLAMIC MOBILE APPS*”

Ronizam Ismail, Shahrul Niza Samsudin, Wahid Ab Sulaiman, Norzaimah Zainol & Dina Syafini Zaid

ECONOMICS

المضاربة الشرعية البديل الإسلامي للفائدة الربوية 388

عبد الله بن عمر بلعيدي

AWARENESS OF CASH WAQF AMONG THE MALAYSIAN MUSLIMS 409

Wan Musyirah binti Wan Ismail, To' Puan Prof Dr Rokiah binti Embong, Nur Hayati binti Abd Rahman, Noor Rafhati binti Romaiha & Nur Hazwani binti Mohamad Roseli

DELIVERING CONVENIENT SERVICE AND BETTER ZAKAT DISTRIBUTION 421
MANAGEMENT THROUGH UITM PULAU PINANG eZAKAT SYSTEM

Naemah Abdul Wahab, Saiful Nizam Warris, Jamal Othman & Muhammad Che Saad

KEUSAHAWANAN TANI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM 432

Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Hj Abas, Sarah Dina Mohd Adnan, Mariam Farhana Md Nasir & Hamidah Jalani

FINANCE

A STUDY OF THE ATTRACTIVENESS ON ISLAMIC PAWNBROKING AT AR-RAHNU MAIDAM KUALA TERENGGANU	443
Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Nurul Syazwani binti Ahmad, Adida binti Muhammud, Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias & Rubiah Abu Bakar	
EXAMINING THE DIFFERENCES BETWEEN AR RAHNU AND CONVENTIONAL PAWN BROKING IN COMPATIBILITY TOWARDS MAQASID SHARIAH	455
Salbiah Nur Shahrul Azmi, Nazimah Hussin & Rohaida Basiruddin	
THE MAIN FACTORS THAT INFLUENCE THE PUBLIC TO PURSUE ISLAMIC PAWN BROKING (AR-RAHNU) COMPARE TO THE CONVENTIONAL PAWN BROKING IN KUALA TERENGGANU	467
Rubiah Abu Bakar, Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Norliyana binti Zulkifli Mohd, Adida binti Muhammud & Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias	
THE AWARENESS OF EFFECTIVE FINANCIAL PLANNING AMONG THE STUDENTS OF FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT UITM MELAKA CITY CAMPUS	476
Mohd Sufian bin Ab Kadir, Mohd Fuad bin Othman, Nur Izzati binti Abas, Saloma binti Mohd Yusoff, Maymunah Ismail, Sharina Shariff	
PANDANGAN FUQAHÀ MALIKI TERHADAP JUALBELI SUKUK PADA ZAMAN MARWAN AL-HAKAM: SATU ANALISIS RINGKAS	501
Mohd Asyadi Redzuan, Mohd Farhan Ahmad, Siti Noor Ain Aziz & Shahidatul Ashikin Shahran	
PENILAIAN KESAHAN INSTRUMEN PELABURAN EMAS PATUH SYARIAH (IPEPS) DENGAN MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH	506
Najahudin Lateh, Ghafarullahhuddin Din, Muhammad Rahimi Osman, Ezani Yaakob & Salmy Edawati Yaacob	

PHILANTHROPY

DANA KHAIRAT: PENGALAMAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	515
Hasan Bahrom & Rawi Nordin	

PHILOSOPHY

THE SIGNIFICANCE OF RELIGIOUS KEY TERMS AND THEIR NEW MEANINGS IN AL-FARUQI'S AL-TAWHID: ITS IMPLICATIONS FOR THOUGHT AND LIFE 520

Fadzilah Din

LEGASI MAZHAB SYAFI'I DI MALAYSIA: ANTARA KEKANGAN TRADISIONALISME DAN TUNTUTAN LIBERALISME 526

Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, Mohd Farhan Md. Ariffin & Syamsul Azizul Marinsah

KAJIAN PEMIKIRAN BADIUZZAMAN SAID NURSI TERHADAP KENABIAN BERDASARKAN KITAB RASAIL AN-NUR 535

Muaz bin Hj. Mohd Noor, Faizuri bin Abdul Latif, Mohd Zaid bin Mustafar , Mohd Khairul Nizam bin Mohd Aziz, Muhammad Taufik Md Sharipp, Mohd Norazri bin Mohamad Zaini & Mohd Padi bin Noman

PANDANGAN HAMKA TERHADAP AYAT-AYAT EMBRIOLOGI DALAM TAFSIR AL-AZHAR 547

Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad, Sharifah Norshah bani bt Syed Bidin & Kamarul Shukri bin Mat Teh

KAJIAN TURATHIY DAN 'ILMIY TERHADAP BUAH-BUAHAN DAN HERBA YANG DISEBUT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH 556

Mohd Asmadi Yakob, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika @ Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Nurulwahidah Fauzi, Khalijah Awang, Rozana Othman & Mohd Rais Mustafa

LANGUAGE AND COMMUNICATION

MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM TERKINI PEMBENTUKAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR 571

Aina Sabariah Md. Isa & Huzaimeh Hj Ismail

FAMILY COMMUNICATION MANAGEMENT FROM MUSLIM ADOLESCENT PERSPECTIVE 581

Aziyah binti Abu Bakar

KEBERKESANAN DAKWAH MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT ISLAM 593

A.Rauf Ridzuan, S. Salahudin Suyurno, Rusydi Kamal, Fakrulnizam Jafri, Dzaa Imma Abd Latif & Siti Nurshahidah Sah Alam

فوائد وسائل الإعلام الحديثة وأضرارها على الإسلام والمسلمين: الإنترنت نموذجاً محمد الأمين محمد سيلا	600
THE ROLE OF PARENTAL COMMUNICATION IN DEVELOPING MUSLIM PERSONALITY: AN OVERVIEW OF PARENTAL ACCEPTANCE-REJECTION THEORY Aini Faezah Ramlan, S. Salahudin Suyurno, Muhammad Shafiei Ayub, Rosilawati Sultan Mohideen & Norazlinda Hj Mohammad	606
PERANAN LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MENGIKUKAN UKHWAH KEKELUARGAAN Rosilawati Sultan Mohideen, Abdul Rauf Ridzuan, Aini Faezah Ramlan, Fakhrulnizam Jafri & Faridah Hanem Ab. Rashid	614
KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PERPADUAN UMMAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA Afiqah Mior Kamarulbaid, Abd Rauf Ridzuan, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Efina Hamdan & Mohd Hilmi Bakar	620
PENCARIAN TEMAN HIDUP BERLANDASKAN ISLAM MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL Fakrulnizam Jafri, Abdul Rauf Ridzuan, Rusydi Mohamad Kamal, Rosilawati Sultan Mohideen & Nur Alyani Mohd Shukri	627
AN ADVERTISING MEDIA: THE RELATIONSHIP OF ADVERTISING MESSAGE, IMAGE AND LANGUAGE USAGE TOWARDS SENSITIVITY IN ISLAMIC PERSPECTIVE Norazlinda Hj. Mohammad, Norida Abu Bakar, Nurliyana Kamilah Khairul Anuar, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Aini Qamariah Mohd Yusof	636
HIKMAH DALAM BERDAKWAH SEBAGAI MANHAJ RABBANIYYAH: SATU SOROTAN DEFINISI S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohamad Shafiei Ayub, Muaz Mohd Noor, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, Mohd Zaid Mustafar & Abdul Qayuum Abdul Razak	645
PEMBIKINAN FILEM ISLAM DI MALAYSIA: PERJALANAN DAKWAH ATAU PELABURAN KOMERSIL Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sakrani & Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim	651

MANAGEMENT

THE EFFECTS OF SERVICE QUALITY TOWARDS CUSTOMER SATISFACTION OF ISLAMIC BANK IN KUANTAN PAHANG 659

Maz Izuan Mazalan, Faresya Zunaida Mohd Zubair & Rozman Mohd Yusof

COMPATIBILITY OF PLANTS APPLICATION WITH ISLAMIC VALUES IN THE MALAY LANDSCAPE OF KOTA BHARU CITY 680

Nur Hafizah Ramle & Nik Ismail Azlan Rahman

THE IMPLEMENTATION OF SHARIAH COMPLIANT HOTEL: A CASE STUDY OF PULAI SPRINGS RESORT BERHAD 688

Zuliana binti Zoolkefli, Nor Fazlin binti Uteh, Ruqaiyah binti Ab Rahim & Noor Syahida binti Md Soh

A DETERMINANT MODEL FOR ISLAMIC MANAGEMENT 692

Azman Che Omar



Prakata

Sejarah warisan Islam telah memberikan impak yang cukup besar kepada perkembangan dunia hari ini. Ia bukan sahaja memberi sumbangan kepada aspek kerohanian malah turut menyumbang kepada aspek ekonomi, politik, pendidikan, sosial, kesenian, kebudayaan, sains dan teknologi. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa pentingnya ketamadunan ilmu kepada ketamadunan dunia. Perkara ini selaras dengan tuntutan al-Quran yang menyatakan dengan jelas bahawa Allah SWT memuji sesiapa yang berusaha menuntut ilmu dan juga bertaqwa kepadaNya. Namun sejak akhir-akhir ini, sumbangan hasil pensejarahan Islam sering dipandang sepi oleh generasi muda. Sejarah warisan Islam tidak lagi dijadikan panduan dan iktibar dalam melebarkan ketamadunan ilmu Islam. Mereka lebih tertumpu kepada ketamadunan Barat yang dikatakan ‘kaya’ dengan khazanah ilmu. Sedangkan kemajuan hari ini seharusnya berlandaskan kepada ketamadunan Islam.

Penelitian atau pengkajian mengenai warisan Islam perlu direncanakan sebagai ketamadunan dunia. Idea-idea baru mengenai sejarah warisan Islam perlu diketengahkan. Oleh yang demikian, menerusi *1st International Islamic Heritage Conference* (IsHeC 2015) dilihat akan dapat membantu kepada perkembangan produksi seterusnya menjana idea-idea baru khususnya untuk memperkayakan kajian dalam bidang sejarah warisan Islam kepada masyarakat. Dengan penganjuran seminar ini secara tidak langsung membantu untuk menjalankan hubungan antara para sarjana dalam bidang sejarah warisan Islam. Ini adalah satu cabaran dan membuka peluang baru untuk membina satu perpaduan intelektual merentas sempadan dunia.

Buku ini merupakan kompilasi diskusi ilmu antara para ilmuan yang terlibat secara langsung dalam pembentangan kertas kerja mereka dalam *1st International Islamic Heritage Conference* (IsHeC 2015) daripada pelbagai platform ilmu Islam antaranya Kesenian, Ketamadunan, Komunikasi, Pendidikan, Kewangan, Sains dan Teknologi dan lain-lain lagi. Semoga curahan ilmu melalui penulisan ini mampu memberi sumbangan dalam menambah khazanah ilmu Islam kepada masyarakat.

Editor,

1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015),

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

UiTM Melaka.

Kata Aluan Rektor UiTM Melaka

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam, dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya, kejayaan penganjuran *1st International Islamic Heritage Conference* 2015 yang berlangsung di Hotel Mahkota Melaka pada 11-12 November 2015, telah menghasilkan banyak kertas kerja yang amat bermutu. Justeru, buku ini mengumpulkan puluhan penulisan para ilmuan dan cendekiawan dari dalam dan luar negara untuk bacaan semua.

Pelbagai isu telah dikupas termasuklah perihal seni Islam, budaya, politik, gendar, pendidikan, sejarah, kemasyarakatan, sains dan teknologi, ekonomi, kewangan, falsafah, bahasa dan komunikasi, kedermawanan dan pengurusan. Pembaca juga akan mendapati buku ini memuatkan kajian-kajian yang komited melaksanakan usaha mengintegrasikan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Ini membuktikan kesegaran keilmuan tamadun Islam itu sendiri. Semoga perkongsian ilmu ini dapat meningkatkan komitmen umat dalam memartabatkan perintah Ilahi dalam kehidupan duniawi sebagai jambatan ukhrawi. Sekaligus ia bakal memberi manfaat pada alam sejagat.

Pihak UiTM Melaka merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih atas segalasokongan dalam bentuk material, tenaga dan sebagainya dalam merialisasikan seminar ini. Buat semua penaja yang telah memberikan sumbangan kepada wacana ini, sekalung penghargaan diucapkan. Semoga seminar dwi tahunan ini akan terus diperkasakan demi mengangkat martabat umat melalui kecemerlangan tamadun Islam yang diakui telah terbukti diseluruh jagat.

Sekian, terima kasih. Wassalam

PROF. MADYA DR MOHD ADNAN BIN HASHIM

Rektor ,
UiTM Melaka.

PENCARIAN TEMAN HIDUP BERLANDASKAN ISLAM MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL

Fakrulnizam Jafri⁶²³
 Abdul Rauf Ridzuan²
 Rusydi Mohamad Kamal³
 Rosilawati Sultan Mohideen⁴
 Nur Alyani Mohd Shukri⁵

ABSTRAK

Kepesatan penggunaan teknologi internet dunia mencatatkan seramai 3.14 bilion pengguna sehingga pertengahan Jun 2015. Kita tidak pernah terfikir bahawa zaman sekarang teman hidup boleh juga didapati melalui internet. Sebelum wujudnya laman jaringan sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp dan sebagainya, generasi terdahulu lebih menggunakan cara terus bersemuka dengan pasangan yang ingin dikenali dan menggunakan medium seperti surat dan telefon. Kajian lepas menunjukkan enam kaedah pencarian teman hidup melalui laman jaringan sosial, iaitu meramaikan kenalan di laman jaringan sosial, menjadi diri sendiri, bergiat aktif di dunia nyata, bergiat aktif di alam maya, berjumpa di luar ; dan sentiasa berdoa dan menunaikan Solat Istikharah. Dengan adanya laman jaringan sosial boleh menjadikan hubungan terjalin bertambah akrab. Bahkan, sebuah kajian yang dilaporkan oleh takepart.com menyebutkan, satu pertiga perkahwinan yang terjadi di tahun 2005 sehingga 2012 berlaku kerana pertemuan di internet. Data ini menunjukkan perkenalan di internet mula popular pada tahun 2005 di mana pada masa itu Friendster, MySpace, MuslimSpace dan Tagged sangat popular digunakan untuk berhubung dan seterusnya mendapat teman hidup. Faktor laman jaringan sosial seperti interaksi, penglibatan, kualiti dan keintiman (independent variable) dilihat boleh memberi kesan kepada penyatuhan hati (dependent variable). Faktor mesra di laman jaringan sosial dilihat sebagai perantara (mediating variable) sama ada kemesraan di laman jaringan sosial boleh membantu penyatuhan hati, tiada signifikan ataupun sebaliknya. Kajian ini berpandukan kepada Teori Sistem Kebergantungan Media (Media Systems Dependency Theory) yang diperkenalkan oleh Sandra Ball-Rokeach dan Melvin DeFleur. Teori ini akan menentukan sama ada laman jaringan sosial ini membantu dalam pencarian teman hidup atau sebaliknya. Kajian ini akan menggunakan keadaan kuantitatif yang melibatkan 30 sampel sebagai kajian awalan (pilot test).

Kata Kunci: laman jaringan sosial, teman hidup, internet, mesra.

PENDAHULUAN

Penggunaan internet melalui laman jaringan sosial berkembang luas dari semasa ke semasa. Berdasarkan laman carian <http://www.internetlivestats.com>, mencatatkan seramai 3.14 bilion pengguna internet dunia sehingga pertengahan tahun 2015. Media sosial mampu menarik perhatian pengguna yang terdiri daripada individu dalam membantu proses pencarian

⁶²³ Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Melaka, fakrulnizam@gmail.com.

²Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Melaka, rausfan@yahoo.com.

^{3,4,5}Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Melaka, rusydi1982@gmail.com.

kandungan bagi memenuhi keperluan seperti sumber maklumat, membantu dalam proses mencapai persefahaman selain sebagai berunsur hiburan.

Adalah menjadi sunnatullah bahawa Allah S.W.T menciptakan semua makhluk-Nya secara berpasang-pasangan dan semua manusia memiliki teman hidup yang bergantung kepada daya usaha (ikhtiar) manusia itu sendiri ataupun takdir Allah S.W.T. Kerana setiap takdir itu ada yang mutlak (sudah menjadi ketentuan Allah S.W.T), kita sebagai manusia hanya boleh menerima dan satu lagi adalah dengan berikhtiar, iaitu takdir yang memang boleh diperoleh dengan cara berusaha untuk mencapai apa yang ingin dihajati. Hal tersebut bersesuaian dengan firman Allah S.W.T S.W.T;

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir" (Surah Ar-Ruum: 21).

Dewasa ini jika diteliti dan diamati, laman jaringan sosial telah semakin diminati dan turut digunakan oleh ramai pengguna yang berkepentingan terhadap sesuatu maklumat yang dicari. Antara kelebihan yang ada dalam laman jaringan sosial ini ialah ia dapat membantu mereka yang masih bujang untuk berkenalan dan seterusnya mencari teman hidup ataupun jodoh. Hal tersebut berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat ada di antara pengguna laman jaringan sosial yang telah menemui teman atau kekasih, telah bertunang dan telah berkahwin dengan wujudnya laman jaringan sosial ini.

Sebelum wujudnya laman jaringan sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *WhatsApp* dan sebagainya, generasi terdahulu lebih menggunakan cara terus bersemuka dengan pasangan yang ingin dikenali dan menggunakan medium seperti surat dan telefon. Kita tidak pernah terfikir bahawa zaman sekarang jodoh boleh didapati melalui internet. Pengguna laman jaringan sosial cuma perlu berdaftar di laman jaringan sosial dan kemudian memasukkan biodata seperti nama, tempat tinggal, hobi dan sebagainya. Pengguna laman jaringan sosial juga biasanya akan kerap mengemaskini status atau aktiviti yang dibuat setiap hari untuk dilihat dan dikongsikan oleh pengguna laman jaringan sosial yang lain. Mereka juga boleh melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti di laman jaringan sosial seperti aktiviti berbual di ruang sembang dan aktiviti permainan maya untuk mengenali dengan lebih dekat dengan rakan-rakan yang ada.

Pada era dahulu, pertemuan atau perkataan lain pertemuan atau *dating* cuma boleh berlaku di dunia nyata. Tetapi, pada masa kini, pertemuan di antara lelaki dan perempuan boleh berlaku di alam maya. Mereka yang telah dilamun cinta kerap menghabiskan masa bersempang di alam maya seperti melalui *Yahoo Messenger* dan *Skype*. Dengan wujudnya laman jaringan sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*, pertemuan di internet semakin popular dan menjadi semakin berleluasa. Pada pendapat penulis, keseronokan dan penghayatan bercinta di laman sosial sama sahaja dengan alam nyata, yang berbeza hanyalah caranya.

Berdasarkan pemerhatian, pihak lelaki dan pihak perempuan lebih berani untuk berkenalan dan seterusnya menjadi rapat di laman jaringan sosial jika dibandingkan dengan alam nyata. Mereka menjadi lebih berani kerana mereka tidak perlu berjumpa dan berasa lebih selamat dalam keadaan seperti itu. Kebanyakan mereka mula berjumpa apabila sudah telah terlalu rapat dan yakin akan pasangan masing-masing.

Disamping itu, ramai antara pengguna laman jaringan sosial telah bertemu pasangan hidup dan mendirikan rumah tangga. Itu bagi mereka yang bernasib baik kerana ada yang tidak bernasib baik terutama di pihak wanita apabila mereka dirogol setelah bertemu buat pertama kalinya. Ada juga pengguna lelaki yang tertipu apabila memberikan sejumlah wang yang banyak kepada pasangan mereka di laman jaringan sosial dan terus menghilang.

Dalam hal ini, kedua-dua pihak iaitu lelaki dan perempuan perlu sentiasa berhati-hati dan berwaspada dalam menjalankan hubungan melalui rangkaian sosial. Bagi mereka yang beragama Islam perlu menjaga adab dan batasan pergaulan supaya tidak hanyut ke arah

kemaksiatan. Dalam hal mencari pasangan hidup, Allah S.W.T telah berfirman bahawa lelaki yang baik adalah untuk perempuan yang baik dan sebagainya. Rasulullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud:

"Janganlah mengahwini wanita-wanita itu kerana kecantikannya semata-mata. Mungkin kecantikan itu akan menguji hidupmu. Janganlah mengahwini mereka kerana harta, mungkin harta itu boleh menyebabkan kezaliman mereka. Tetapi kahwinilah mereka atas dasar agama kerana yang beragama adalah lebih baik untuk teman hidupmu" (Hadith Diriwayatkan oleh Ibn Majah).

KAEDAH PENCARIAN TEMAN HIDUP MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL

Kepelbagai sumber maklumat yang diperlukan pengguna laman jaringan sosial membolehkan mereka mencari laman yang bersesuaian dan menepati cita rasa pengguna terlibat. Tambahan pula, pengguna boleh menggunakan lebih daripada satu laman jaringan sosial bergantung pada keperluan utama mereka sama ada untuk komunikasi, pembentukan identiti, mahupun sosial (Bowles: 2007). Terdapat lapan kaedah pencarian teman hidup atau jodoh melalui laman jaringan sosial yang diperoleh penyelidik berdasarkan penulisan Safi Mokhtar (2014) dan Baitulmuslim (n.d), iaitu seperti yang berikut:

1. **Meramaikan kenalan di laman jaringan sosial.**
Meramaikan kenalan bermaksud anda berkawan dengan pelbagai jenis orang dan cuba mematangkan diri anda untuk bersosial. Luaskan pergaulan anda. Hal ini akan membuat kita melihat sifat seseorang dari pelbagai sudut. Ini juga kerana kebanyakan mereka yang bertemu jodoh di laman jaringan sosial adalah melalui kawan punya kawan. Tidak salah memasang niat menggunakan laman jaringan sosial untuk mencari jodoh. Walaubagaimanapun pengguna laman di jaringan sosial dinasihatkan untuk berhati-hati dengan profil yang misteri. Carilah kenalan yang mempunyai latar belakang yang lengkap dan cuba lihat siapa kawan-kawannya.
2. **Menjadi diri sendiri**
Anda adalah anda dan apa yang kamu tulis ialah diri anda yang sebenarnya. Cuba tuliskan apa sahaja yang baik di laman sosial kerana penulisan anda mencerminkan diri anda. Letakkanlah gambar anda yang asli supaya orang lain tidak tertipu dan hilang kepercayaan kepada anda di kemudian hari. Sentiasa jujur dalam membicarakan sesuatu dan tidak perlu meniru orang lain. Sifat ini dapat menguatkan daya penarik di laman jaringan sosial anda.
3. **Muhasabah diri**
Apakah yang paling utama adalah anda memuhasabah diri anda dan cuba renungi setiap gerak hidup anda, apa yang telah anda lakukan, bagaimana hubungan anda dengan Allah? dengan ibu bapa ? dan orang sekeliling? Muhasabah ini sangat baik untuk anda memperbaiki mana yang kurang dan menjaga hubungan anda dengan pencipta dan sesama manusia. Jika anda inginkan yang soleh/ solehah jadi anda juga perlu jadi seperti itu.
4. **Bergiat aktif di dunia nyata**
Cubalah menyertai aktiviti komuniti sosial di dunia nyata. Jangan ada perasaan ragu untuk berkomunikasi secara langsung dengan mereka. Hal ini akan melatih kamu untuk lebih mahir bersosial baik di dunia maya mahupun di dunia nyata. Bersosial tidak salah asalkan individu tahu batas dan hukum dalam bersosial. Ini juga kerana, jodoh kamu mungkin berada di dunia nyata dan mungkin juga ditakdirkan Allah di laman jaringan sosial.

5. Bergiat aktif di alam maya

Bergiat aktif di sini membawa maksud yang anda rajin mengemaskini laman jaringan sosial anda, rajin memberi tindak balas dan menegur rakan-rakan di laman jaringan sosial. Tujuannya adalah supaya kenalan anda merasai kewujudan diri anda di situ. Tulislah perkara yang baik-baik ataupun berkongsikan perkara-perkara yang baik di laman jaringan sosial anda. Anda juga berpeluang mempelajari sifat-sifat yang ada pada kenalan anda walaupun tidak begitu terperinci. Pengguna laman jaringan sosial juga perlu akur bahawa laman sosial tidak sama dengan reality dan bersedia menerima kelainan yang ada di dunia nyata.

6. Berjumpa di luar

Setelah berkenalan lama, adalah baiknya jika anda berjumpa jika anda rasakan bahawa orang yang anda kenali adalah sesuai dengan anda. Dengan berjumpa di dunia nyata, anda akan berpeluang untuk lebih mengenali dan dikenali. Anda juga perlu menerima hakikat bahawa pasangan anda dan diri anda juga tidak sama dengan di dunia realiti. Perasaan malu akan timbul seolah-olah baru mula berkenalan. Walaubagaimanapun, bagi kaum wanita, pastikan anda membawa ahli keluarga atau teman rapat anda supaya keselamatan anda lebih terjamin. Selepas itu cubalah memperkenalkan keluarga anda dan mengenali keluarganya.

7. Jangan terlalu memilih

Ada dikalangan kita yang sukar untuk mendapatkan jodoh atau jodoh sukar untuk datang kerana disebabkan diri kita yang terlalu memilih dan mmpunyai senarai kriteria yang tertentu dan harus di penuhi. Tak mahu yang gemuk, hitam , gaji rendah dan sebagainya. Seeloknya terimalah dia seadanya sama ada kelebihannya mahupun kekurangan yang ada padanya. Yang penting, lihatlah pegangan agama pasangan anda kerana itu yang akan menentukan kebahagiaan hidup anda.


8. Sentiasa berdoa dan menuaikkan Solat Istikhharah

Dan yang terakhir sekali, sebagai orang Islam, kita digalakkan berusaha untuk mencari pasangan hidup kita walaupun jodoh telah ditentukan sejak dari awal lagi. Usaha yang diiringi dengan doa pasti akan membawa hasil. Solat Istikharah dilakukan apabila seseorang perlu membuat keputusan samaada untuk memilih atau menerima calon yang dirasakan sesuai dengan dirinya di media sosial. Harapan insan agar jodoh kita semakin cepat dimakbulkan, jadi mereka perlu mendekati Allah dengan lebih dekat. Caranya tidak hanya ibadah wajib, tapi juga dengan menambah ibadah-ibadah sunnah seperti Solat Tahajjud, Solat Dhuha, Tilawah Al-Qur'an, Infaq, dan lain-lain. Lakukan ibadah sunnah ini secara istiqamah setiap hari agar iman kita bertambah dan doa kita semakin dikabulkan Allah S.W.T.

"Mintalah kepada Allah akan kemurahan-Nya, kerana sesungguhnya Allah senang apabila dimintai (sesuatu)." (Hadith Diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi daripada Ibnu Mas'ud)

"Ya Tuhan kami, anugrahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa". (Surah Al Furqan: 74).

CADANGAN MODEL KAJIAN



Jadual 1: Structural Equation Modeling (SEM)

Jadual di atas menunjukkan bagaimana Kajian Pencarian Teman Hidup Berlandaskan Islam Melalui Laman Jaringan Sosial boleh digunakan berdasarkan Faktor Laman Jaringan Sosial (*SNS Factors*) yang diaplikasikan daripada kajian Abdul Rauf Ridzuan (2014). Faktor laman jaringan sosial seperti Interaksi, Penglibatan, Kualiti dan Keintiman (*independent variable*) dilihat boleh memberi kesan kepada Penyatuan Hati (*Dependent Variable*). Faktor Mesra di laman jaringan sosial pula dilihat sebagai perantara (*Mediating Variable*) sama ada kemesraan di laman jaringan sosial boleh membantu penyatuan hati (Emma Stailista: 2013), tiada signifikan ataupun sebaliknya.

TANDA TEMAN HIDUP/ JODOH

Menurut Emma Stailista (2013), tanda jodoh telah dikenalpasti berdasarkan formula, iaitu “3M”. 3M membawa maksud bahawa mana-mana lelaki maupun wanita yang boleh Memahami, Memaafkan dan Memotivasi seseorang individu lain ataupun pasangan masing-masing ke arah yang lebih baik In Sha Allah itulah teman hidup atau jodoh mereka. Huriahan lanjut berkenaan konsep “3M” tersebut adalah seperti yang berikut:

- *Memahami* - Memahami antara satu sama lain adalah memberi petunjuk yang positif di dalam perhubungan. Ini penting kerana setiap daripada kita mempunyai latar belakang kehidupan yang berlainan. Maka setiap sifat kita mampu mempengaruhi atau dipengaruhi sifat pasangan kita.

Memaafkan - Sifat sentiasa untuk memaafkan ini amat penting. Seandainya tiada sifat ini, nescaya hubungan kekeluargaan tidak kekal lama (Ini yang perlu setiap pasangan elakkan). Lelaki memang tinggi egonya, namun jika ingin hubungan yang panjang, sikap ego perlu dibuang demi meneruskan kelangsungan kehidupan berumahtangga.

- *Memotivasi* - Setiap orang perlu memotivasi pasangannya. Faktor seperti stress, tekanan kerja, masalah kewangan mungkin menyebabkan

keretakan rumah tangga, namun sikap memotivasi ini mampu menaikkan dan memulihkan kembali semangat pasangan anda.

KAJIAN PENCARIAN TEMAN HIDUP DI LAMAN JARINGAN SOSIAL

Di abad ini, sudah terlalu ramai di kalangan masyarakat kita bertemu teman hidup atau jodoh di internet. Mereka yang masih bujang dan belum bertemu teman hidup pula semakin risau dengan peningkatan umur dan akan cuba pelbagai alternatif untuk mencari teman hidup mereka. Mereka khawatir tentang masa depan mereka yang tidak mempunyai anak dan teman hidup di hari tua mereka.

Kebanyakan mereka mula berasa tertekan apabila usia telah mencecah tiga puluh tahun bagi perempuan dan empat puluh tahun bagi lelaki. Mereka dalam kategori ini telah puas hidup membujang dan merasakan tekanannya apabila memerhatikan orang sekeliling yang sebaya mereka telah berkeluarga dan mempunyai beberapa orang zuriat yang sihat dan comel. Ada dalam kalangan mereka dilabelkan seperti terdesak untuk mencari pasangan teman hidup kerana telah lewat usia.

Namun, bukan semua yang bertemu teman hidup di laman jaringan sosial dikategorikan sebagai mereka yang terdesak atau *desperate*. Mereka bertemu di laman jaringan sosial setelah merasai keserasian berhubung, wujud perasaan mesra dan menjumpai pasangan yang diidamkan yang tidak diperolehi di dunia nyata. Perasaan yang amat pemalu di dunia nyata mungkin tidak dialami di dunia alam maya. Pengguna laman jaringan sosial mungkin menjadi lebih berani untuk cuba berkenalan dan kemudian meluahkan isi hati mereka di laman jaringan sosial yang mungkin sukar terjadi jika di dunia realiti. Ada juga pengguna laman jaringan sosial yang terlalu popular dan diminati sehingga sukar untuk membuat pilihan terbaik untuk diri mereka.

Seiring dengan perkembangan teknologi masakini, kita tidak perlu menempuh jarak beratus-ratus kilometer untuk bertemu dengan pilihan hati di laman jaringan sosial. Dengan adanya laman jaringan sosial boleh menjadikan hubungan terjalin bertambah erat. Bahkan, sebuah kajian yang dilaporkan oleh takepart.com menyebutkan, satu pertiga perkahwinan yang terjadi pada tahun 2005 sehingga 2012 berlaku kerana pertemuan di internet. Data ini menunjukkan perkenalan di internet mula popular pada tahun 2005 di mana pada masa itu *Friendster*, *MySpace*, *MuslimSpace* dan *Tagged* sangat popular digunakan untuk berhubung dan seterusnya mendapat pasangan hidup. Ia terus popular sehingga ke hari ini dengan laman jaringan sosial yang terkini seperti *Twitter*, *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp* dan sebagainya.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Walipop (2014), 60% responden yang masih bujang bersedia untuk dijadikan oleh carian oleh kenalan dan keluarga mereka serta memilih untuk mencari teman hidup di internet jika ditakdirkan mengalami kesukaran mencari teman hidup di dunia nyata. Pada usia seperti ini, mereka sudah tidak terlalu memilih untuk mencari pasangan idaman mereka. Manakala hasil kajian mengenai pergaulan di jaringan sosial yang dibuat oleh Abdul Rauf Ridzuan (2014) mendapati bahawa 68% responden bersedia menerima perbezaan yang wujud antara mereka dengan rakan-rakan mereka di jaringan sosial. Kebanyakan mereka menyambutnya dengan lebih terbuka. Walaubagaimanapun, ada juga yang menolak dengan mengatakan bahawa mereka merasakan seperti tidak laku atau istilah ‘*saham jatuh*’ mereka jika mudah dipancing di laman jaringan sosial.

Laman jaringan sosial dilihat sebagai medium yang telah banyak membantu mereka yang mempunyai dilemma dalam mencari pasangan mereka. Berdasarkan kajian yang dibuat di Amerika yang dilakukan oleh Cacioppo (2014) dan pasukannya, 45% pasangan berkahwin mengaku bertemu pasangan mereka melalui internet. Sesuatu yang amat mengejutkan lagi apabila hasil penyelidikan juga mendedahkan bahawa tahap kepuasan pasangan yang berkahwin selepas bertemu di dunia maya lebih tinggi berbanding yang di dunia nyata.

Kajian pergaulan di laman jaringan sosial di Malaysia mendapati 70.9% responden merasakan persekitaran yang harmoni wujud dalam laman jaringan sosial mereka. Ia menunjukkan bahawa pengguna laman jaringan sosial mudah mesra apabila bergaul di alam

maya. Kajian yang sama juga mendapati 67.4% pengguna laman jaringan sosial saling bantu membantu rakan mereka di laman jaringan sosial tanpa mengira latar belakang seseorang membuatkan lebih ramai pengguna berasa selesa dengan rakan yang ada di laman jaringan sosial mereka. Pasangan yang meminta bantuan kepada teman mereka di laman jaringan sosial mudah dibantu. Walaubagaimanapun terdapat banyak kes apabila pasangan ditipu setelah meminjamkan wang kepada kekasih yang baru dikenali di laman jaringan sosial.

Salah seorang pakar psikologi di Indonesia berkata, pasangan yang membuat temujanji sudah meneliti maklumat pasangan mereka dengan jelas di lama sosial mereka. Setelah itu, mereka berjumpa dan berkahwin. Mereka yang berkahwin hasil perkenalan mereka di internet akan lebih berusaha untuk menyesuaikan diri di antara satu sama lain sehingga kehidupan perkahwinannya menjadi semakin harmoni.

Namun demikian, bukan bermaksud semua pasangan yang berkahwin yang bertemu di dunia nyata tidak bahagia. Pasangan tersebut tetap bahagia tapi tahap kepuasan hatinya sahaja yang sedikit berbeza. Di antara pasangan yang bertemu secara *offline* ini, tahap kepuasan tertinggi berada di kumpulan pasangan dengan persekitaran sosial yang sama, seperti dengan teman sepergaulan. Hasil kajian juga mendapati perkahwinan yang sering bermasalah adalah kerana peringkat awal pertemuannya berkenalan di tempat hiburan seperti di bar atau diskò.

Pengkaji mentafsirkan bahawa pertemuan di bar merupakan pertemuan yang tidak serius untuk mendapatkan jodoh sedangkan perkahwinan adalah sesuatu yang serius. Mereka yang berada di sana lebih menginginkan keseronokan dan apabila diakhiri dengan perkahwinan, pelbagai masalah muncul kemudian harinya.

Perkara yang sama turut berlaku dengan pasangan di alam nyata yang bertemu di tempat kerja yang sama. Ahli psikologi di Universiti Bina Nusantara menjelaskan bahawa pasangan di tempat kerja yang sama cenderung membawa masalah kerja mereka di rumah dan membawa masalah di rumah ke tempat kerja.

TEORI SISTEM KEBERGANTUNGAN MEDIA

Kajian ini berpandukan kepada Teori Sistem Kebergantungan Media (*Media Systems Dependency Theory*) yang diperkenalkan oleh Melvin DeFleur dan Sandra Ball-Rokeach. Teori ini akan diuji dalam menentukan sama ada laman jaringan sosial ini membantu seseorang pengguna dalam pencarian teman hidup atau sebaliknya pada tahap mikro skopnya.

Teori Sistem Kebergantungan Media (TSKM) yang diperkenalkan oleh Melvin DeFleur dan Sandra Ball-Rokeach (1985) dalam kajian ini dengan mengandaikan bahawa semakin bergantung seseorang pengguna itu terhadap media bagi memenuhi kehendaknya dalam pencarian teman hidup, maka semakin penting peranan serta pengaruh media tersebut ke atas seseorang pengguna. Oleh yang demikian, wujudnya hubungan langsung di antara jumlah keseluruhan kebergantungan seseorang pengguna dengan pengaruh terhadap media tersebut.

Hubungan kebergantungan pengguna dan media memiliki faktor kekuatan yang berlainan, iaitu aspek kognitif dan afektif. Aspek kognitif menggalakkkan seseorang pengguna atau individu untuk mengekalkan tahap motivasi. Bagi aspek afektif pula menggalakkkan seseorang individu untuk meningkatkan tahap kepuasannya terhadap media. Kedua-dua aspek tersebut telah memberikan kesan yang hebat iaitu gandingan antara tahap motivasi untuk memperhebatkan kemampuan individu ke tahap keterlibatan yang lebih aktif bagi sesuatu maklumat diproses dengan cekap dan berhemah.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian secara kertas konsep atau *concept paper* sebagai fasa permulaannya. Akan tetapi, bagi memantapkan kajian ini fasa berikutnya pula penyelidik bercadang untuk melakukan kajian awalan atau *pilot test* yang melibatkan seramai 30 orang

634

responden beragama Islam yang menggunakan laman jaringan sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Whats App* dan *Instagram* melalui borang soal selidik.

Berdasarkan kajian berbentuk kuantitatif ini penyelidik akan membahagikan soalan di dalam borang soal selidik yang lebih memfokuskan kepada mengenal pasti kaedah penggunaan pencarian teman hidup di laman jaringan sosial dan sejauhmana kepenggunaannya berlandaskan ajaran Islam turut bakal dikaji. Data yang bakal diperoleh akan dianalisa dengan menggunakan Aplikasi *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Versi 20* dan seterusnya akan menggunakan Aplikasi *SPSS Amos* setelah kajian sebenar dijalankan yang melibatkan sekurang - kurangnya 200 orang responden.

PENUTUP

Teman hidup dan jodoh boleh berlaku dalam pelbagai cara dan keadaan. Dalam konteks kajian ini, gunakanlah teknologi yang ada untuk tujuan kebaikan dan bukan untuk kebinasaan diri sendiri. Ramai orang yang bertemu jodoh dan hidup bahagia dengan bantuan laman jaringan sosial dan ada juga yang teraniaya serta tertipu setelah berkenalan di laman sosial. Para pelayar media sosial adalah agar lebih berhati-hati dan sering mengambil langkah berjaga-jaga. Bagi pengguna Islam, patuhilah hukum syarak yakni membataskan cara pergaulan mereka, iaitu mengikut konteks Islam seperti Hadith yang diriwayatkan seperti berikut:

“Sesungguhnya amalan itu tergantung niatnya, dan sesungguhnya setiap orang mendapatkan sesuai apa yang diniatkan, barang siapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan barang siapa yang hijrahnya kerana dunia yang akan didapatkan atau wanita yang akan dinikahi maka hijrahnya sesuai dengan apa yang dia niatkan.” (Hadith Riwayat Imam Bukhari Muslim)

Mencari pasangan teman hidup yang soleh atau solehah sangat dituntut oleh Islam. Semua insan menginginkan kehidupan berpasang-pasangan yang di redhai Allah S.W.T. Hal tersebut disebabkan dengan hidup berkeluarga, kehidupan seseorang individu serta pasangan hidup mereka akan menuju keselamatan serta kesejahteraan di dunia mahupun di akhirat. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah S.A.W. buat kaum Adam dalam mencari pasangan:

“Dunia adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan adalah wanita solehah.” (Hadith Riwayat Muslim)

Akhir sekali, teman hidup dan jodoh adalah antara perkara misteri dan rahsia Allah S.W.T buat insan-Nya. Kita sebagai makhluk-Nya harus meyakini bahawa jodoh, rezeki, ajal dan maut adalah takdir yang telah ditetapkan sejak berada dalam kandungan bonda lagi. Penggunaan laman jaringan sosial merupakan satu alternatif yang memudahkan lebih ramai orang untuk mencari teman hidup mereka. Walaupun jodoh itu satu perkara yang sudah ditakdirkan, kita sebagai umat Islam perlu berusaha untuk mengecapinya (dengan bernikah), iaitu demi mengikut Sunnah Rasulullah yang mahukan umatnya yang ramai dan hidup di bawah rahmat Allah S.W.T.

RUJUKAN

Al-Qur'an Al-Karim.

Abdul Rauf Ridzuan (2014). *The relationship between SNS Factors, Ethnocentrism and Sosial Solidarity.* (Unpublished Doctoral Dissertation). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Baitulmuslim.com (n.d.). Cari Jodoh. Retrieved from <https://baitulmuslim.com/book/export/html/167117>

Ball-Rokeach, S. J. 1985. *The origins of individual media system dependency: a sociological framework.* Communication Research 12(4): 485-510.

- Bowles, C. 2007. Understanding social networks. *Slideshare*. Retrieved from www.slideshare.net/Cennydd/understanding-social-networks/
- Boyd, D.M & Ellison, N.B. (2008). *Social network sites: definition, history and scholarship*. Journal of Computer-Mediated Communication, 13, 210-230
- Emma Stailista (2013). *Tips Mengenali Jodoh Menurut Islam*. Retrieved from <http://majalahstailista.blogspot.com/2012/11/tips-mengenali-jodoh-menurut-islam.html>
- Internet Live Stats - Internet Usage & Social Media Statistics*. Internet users in the world. June 2015. Retrieved from <http://www.internetlivestats.com/>
- Kang Haikal (2014). *Ciri-ciri Masyarakat Dalam Islam*. Retrieved from <http://beritaislam.mywapblog.com/ciri-ciri-masyarakat-dalam-islam.xhtml>
- Malaysia has over 13 million Facebook user* (n.d.). Retrieved from <http://vsdaily.com/socialbakers-malaysia-has-over-13-million-facebook-users/>
- Omar Shahid (2014). *How 10 years of social media has changed Islam*. Retrieved from <http://www.aquila-style.com/focus-points/10-years-social-media-changed-islam/66937/>
- Principles and Values of Globalization, the Challenges and the Opportunities*. Retrieved from <http://www.andifaisalbakti.net/>
- Safie Mokhtar (2014). *Cara Mencari Jodoh Menurut Islam*. Retrieved from <http://safiemokhtar.blogspot.com/2014/03/cara-mencari-jodoh-menurut-islam.html>